

# Guna dron pantau 531 cerun belum dibaiki

**PETALING JAYA:** Bencana hiliran akan berada di tahap genting sekiranya masalah cerun tidak dibaiki dengan segera.

Menurut pensyarah Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan dan Institut Pengajian Sains Sosial, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Haliza Abdul Rahman, bagi mengatasi masalah itu boleh menggunakan teknologi dron untuk melakukan tinjauan kawasan.

“Langkah yang boleh diambil untuk tempoh masa yang singkat adalah letak tanda amaran atau penghadang supaya pengguna jalan raya lebih berhati-hati, misalnya membuat ikatan batuan bagi mengelak tanah runtuh dari merebak.

“Bagi tempoh masa panjang, kita boleh memantau secara berkala melalui dron.

“Bencana hiliran seperti tanah runtuh, banjir kilat dan banjir lumpur akan berlaku lebih teruk akibat pencetekan sistem perparitan dan sungai,” katanya dihubungi *Mingguan Malaysia*.

Katanya, kos penggunaan dron tidak terlalu tinggi selain boleh dikawal dari jarak jauh. Namun, faktor cuaca akan menjadi kelemahan utama

alat teknologi itu.

Semalam, media melaporkan Kementerian Kerja Raya memerlukan peruntukan RM-387.38 juta bagi kerja-kerja baik pulih di 531 lokasi cerun yang belum dibaiki di seluruh negara.

Bencana alam seperti hujan, banjir menjadi antara punca cerun terlibat masih belum dibaiki.

Mengulas lanjut tentang kos baik pulih yang tinggi, Haliza berkata, setiap pemegang taruh seperti pemaju dan agensi kerajaan seharusnya mengambil iktibar dari kejadian bencana lepas.

“Apabila melihat impak perubahan iklim semakin ketara sekali gus meningkatkan kejadian bencana. Kita tidak ada pilihan, konsep pembangunan mampan harus diterap bukan berlegar sekadar teori semata-mata.

“Apabila alam sekitar terganggu membaikpulih memang memerlukan kos yang sangat tinggi. Lihat sahaja pencemaran Sungai Kim-Kim, kos untuk membaik pulih sungai tercemar sepanjang 1.3 km perlu kos sekitar RM 6.5 juta,” kata beliau.